



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA 2**  
**KOD KURSUS : MPU2123 / MPU1013**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2019**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**  
**KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 15 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

---

O

O

**BAHAGIAN A [ 20 MARKAH ]**

Bahagian ini mengandungi dua puluh (20) soalan.

Jawab semua soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1.

- Acheh
- Johor-Riau

**Pernyataan 1**

Pernyataan 1 merupakan kerajaan Islam di Asia Tenggara. Apakah persamaan kerajaan-kerajaan tersebut selepas Melaka ditawan oleh Portugis?

- A Menjalin hubungan dengan Belanda.
- B Merupakan pusat pertanian terkenal.
- C Mengembalikan kegemilangan Srivijaya.
- D Menghalang penyebaran agama Kristian.

2.

- Sistem ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran di Tanah Melayu.

**Pernyataan 2**

Pernyataan 2 menerangkan tugas bagi anggota dalam sistem ahli.

Apakah bidang tugas yang sesuai seperti dalam pernyataan di atas?

- A Mentadbir negara.
- B Menjaga satu portfolio.
- C Merangka perbelanjaan.
- D Menggubal undang-undang.

3. Kerajaan Malayan Union telah diisytiharkan pada 1 April 1946 di King's House, (Carcosa Negara), Kuala Lumpur. Apakah keistimewaan Singapura sehingga diasangkan daripada Malayan Union?

- A Pelabuhan bebas.
- B Pusat pertahanan.
- C Pusat pentadbiran.
- D Pelabuhan entrepot.

4. Negeri manakah yang diasaskan oleh kerabat diraja Melaka?

- A Perak.
- B Kedah.
- C Kelantan.
- D Terengganu.

5.

- Majlis Eksekutif.
- Majlis Undangan.
- Majlis Raja - Raja.

### Pernyataan 3

Pernyataan 3 menunjukkan badan pentadbiran Malayan Union. Siapakah yang mengetuai badan-badan tersebut?

- A Sultan.
- B Residen.
- C Gabenor.
- D Pesuruhjaya Tinggi.

6. Mengapa Dato' Onn Ja'afar bertindak keluar dari UMNO pada tahun 1951?

- A Ingin mengasaskan parti pelbagai kaum.
- B Beliau dikalahkan dalam pemilihan parti.
- C Mengurangkan tekanan daripada penjajah British.
- D Cadangan membuka keahlian UMNO ditolak.

7. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957. Apakah kesan perjanjian tersebut?
- A Pengukuhan kuasa Gabenor.  
B Kerakyatan Jus Soli diterima.  
C Pembentukan kerajaan republik.  
D Pesuruhjaya Tinggi British dilantik.
8. Melaka mempunyai pentadbiran tersusun sepanjang tempoh kekuasaannya menerusi ‘Sistem Pembesar Empat Lipatan’. Manakah padanan yang sesuai mengenai jawatan temenggong pada zaman sekarang?
- A Menteri Luar.  
B Menteri Kerja Raya.  
C Menteri Pertahanan.  
D Menteri Dalam Negeri.
9. Mengapakah sistem pendidikan pada zaman penjajah gagal mewujudkan perpaduan kaum di Tanah Melayu?
- A Pengaruh adat resam.  
B Pengaruh golongan mubaligh.  
C Perkembangan sekolah Inggeris.  
D Perkembangan sekolah vernakular.
10. Apakah Motto negara Malaysia?
- A Bersekutu Bertambah Ilmu.  
B Bersekutu Bertambah Jaya.  
C Bersekutu Bertambah Mutu.  
D Bersekutu Bertambah Gemilang.

11. Manakah antara berikut merupakan ciri etnik atau kaum yang merujuk kepada suatu kumpulan manusia?
- A Perbezaan geografi.  
B Perbezaan ideologi.  
C Perbezaan kebudayaan.  
D Penumpuan gen tertentu.
12. Berikut merupakan padanan antara kaum etnik dan penempatan di Malaysia. Pilih padanan yang betul.
- A Chetti - Johor.  
B Serani - Melaka.  
C Melanau - Sarawak.  
D Baba Nyonya - Perlis.
13. Dasar Apartheid digunakan untuk memisahkan tahap hubungan etnik, tempat tinggal, pendidikan, pekerjaan dan pergaulan. Apakah bentuk hubungan etnik yang sesuai berdasarkan dasar ini?
- A Asimilasi.  
B Akulturasi.  
C Segregasi.  
D Akomodasi.
14. Menurut ajaran agama Islam, mengapakah manusia dicipta mempunyai pelbagai bangsa?
- A Membentuk ukhwah.  
B Mencari kekuatan bangsa.  
C Berbaik-baik antara satu sama lain.  
D Berkenal-kenalan antara satu sama lain.

15.

- Jenis : Perkahwinan campur.
- Kaedah : Cina + India = Chindian.
- Masyarakat : Chindian.
- Implikasi : Perkahwinan campur melahirkan kelompok baru yang mempunyai budaya baru.

#### Pernyataan 4

Salah satu bentuk hubungan etnik di Malaysia digambarkan melalui pernyataan

4. Pilih bentuk hubungan etnik tersebut.

- A Asimilasi.
- B Akulturası.
- C Akomodasi.
- D Amalgamasi.

16. Masyarakat Cina di Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik, iaitu Hakka, Teochew, Hailam dan Hokkien. Etnik masyarakat Cina manakah yang paling banyak di Malaysia?

- A Hakka.
- B Hailam.
- C Hokkien.
- D Teochew.

17. Pilih jawapan yang tepat berkenaan kepentingan agama kepada manusia?

- I Mendapat perlindungan dan keselamatan.
- II Mendapat sanjungan terhadap kebaikan yang dilakukan.
- III Membataskan pelakuan manusia sama ada baik atau buruk.
- IV Meningkatkan semangat nasionalisme, tamadun dan cara hidup.

- A I,II dan III
- B I,III dan IV
- C II,III, dan V
- D I,II,III dan IV

18.

- Rakyat takut untuk menderhaka kepada raja walaupun raja tidak berlaku adil.

**Pernyataan 5**

Berdasarkan pernyataan 5, mengapakah rakyat bersikap sedemikian kepada raja semasa sistem pemerintahan di Asia Tenggara?

- A Raja mengetuai istiadat.
- B Raja membentuk empayar.
- C Raja adalah bayangan tuhan.
- D Raja mempunyai kekuatan fizikal.

19.

- Ajaran ini diasaskan oleh Sidharta Gautama.
- Seorang putera raja yang bertapa untuk mencari kebenaran.
- Hasil pertapaan ini terlahirlah ajaran ini yang antaranya menekankan kitaran kehidupan silam, nirvana dan hukum karma.

**Pernyataan 6**

Berdasarkan pernyataan 6, apakah agama yang sesuai dengan ciri-ciri yang dinyatakan itu?

- A Hindu.
- B Easter.
- C Kristian.
- D Buddha.

20. Pilih jawapan yang tepat mengenai kebebasan beragama di negara kita?
- I Menguruskan hal ehwal agamanya sendiri.
  - II Merupakan kandungan perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan.
  - III Menyenggarakan dan menubuhkan institusi-institusi kegamaan atau akhirat.
  - IV Mempunyai harta, memegang, mentadbir dan memperoleh mengikut undang-undang.
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III, dan V
  - D I, II, III dan IV


[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B [ 60 MARKAH ]**

Bahagian ini mengandungi **enam (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Buku Jawapan.

1.

**Rajah 1**

Rajah 1 menunjukkan senarai penjajahan kuasa-kuasa asing di Tanah Melayu.

- a. Namakan kuasa X.  
(1 Markah)
- b. Mengapakah pemimpin tempatan menentang penjajah British?  
(2 Markah)
- c. Berikan **3 (tiga)** kesan penjajahan Portugis kepada Kerajaan Melaka.  
(3 Markah)
- d. Cadangkan **dua (2)** cara yang boleh dilakukan oleh rakyat Malaysia untuk menjadi warganegara yang patriotik.  
(4 Markah)

2.

**"Adalah muktamad Brunei tidak mahu menyertai Malaysia kerana tidak mahu menjadi tanah jajahan, taklok, rantau dan pesisir kepada Melayu!"**


**– Sultan Omar Ali Saifuddien III 1963**

**Pernyataan 7**

Pernyataan 7 berkaitan konflik semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

- a. Berdasarkan pernyataan 7, nyatakan dua (2) tuntutan Brunei terhadap Tanah Melayu.  
(2 Markah)
  
- b. Berikan dua (2) faktor yang mempengaruhi pembentukan Malaysia.  
(2 Markah)
  
- c. Jelaskan satu (1) reaksi yang ditimbulkan oleh Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.  
(2 Markah)
  
- d. Jelaskan dua (2) laporan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Cobbold terhadap reaksi Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia.  
(4 Markah)

3.



Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan tahap hubungan etnik di Malaysia.

- a. Berdasarkan Rajah 2, apakah X?  
(1 Markah)
- b. Nyatakan dua (2) contoh bagi tahap hubungan etnik yang melibatkan X.  
(2 Markah)
- c. Jelaskan dua (2) jenis integrasi nasional yang diterima oleh semua kelompok etnik dalam negara.  
(3 Markah)
- d. Huraikan dua (2) usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional.  
(4 Markah)

4.



Gambar 1

Gambar 1 menunjukkan aktiviti semasa perayaan tertentu yang disambut di Malaysia.

- a. Namakan aktiviti tersebut dan jenis perayaan yang memerlukan budaya ini dijalankan.  
(2 Markah)
  
- b. Senaraikan dua (2) simbolik aktiviti tersebut dilaksanakan.  
(2 Markah)
  
- c. Senaraikan dua (2) aktiviti yang boleh dilakukan untuk meningkatkan toleransi antara agama.  
(2 Markah)
  
- d. Senaraikan empat (4) asas hubungan dalam Islam.  
(4 Markah)

5.




Gambar 2

Gambar 2 ialah Logo Kemerdekaan bagi sambutan kemerdekaan 2018 kali ke-61 yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 30 Mei 2018.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan tema “Sayangi Malaysiaku” dalam logo di atas?  
(2 Markah)
  
- b. Berikan dua (2) tema kemerdekaan yang pernah digunakan bagi menyambut kemerdekaan.  
(2 Markah)
  
- c. Berikan dua (2) kepentingan menyambut kemerdekaan.  
(2 Markah)
  
- d. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan dua (2) langkah yang wajar diambil oleh warganegara bagi meningkatkan semangat nasionalisme.  
(4 Markah)

6.



Gambar 3

Gambar 3 ialah Bunga Raya yang merupakan lambang bagi Rukun Negara dalam Kerajaan Malaysia.

- a. Mengapakah Bunga Raya dipilih untuk menjadi lambang bagi Rukun Negara?  
(2 Markah)
- b. Jelaskan Prinsip Rukun Negara berlabel X dan Y di atas.  
(2 Markah)
- c. Berikan dua (2) lambang negara Malaysia yang lain.  
(2 Markah)
- d. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan dua (2) langkah yang wajar diambil oleh warganegara untuk menghormati lambang-lambang negara.  
(4 Markah)

[ 60 MARKAH ]

**BAHAGIAN C (20 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan.

Jawab **satu (1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

1. Kedatangan imigran dari Tanah Besar China dan Selatan India ke Tanah Melayu didorong oleh beberapa faktor yang menjadi pemangkin penghijrahan mereka secara besar-besaran. Huraikan faktor-faktor penghijrahan imigran tersebut ke Tanah Melayu.  
(20 Markah)
  
2. Masyarakat berbilang kaum di negara kita mempunyai pelbagai pantang larang termasuklah berkaitan perkahwinan, perayaan dan juga semasa mengandung. Pantang larang yang diamalkan oleh setiap kaum juga berbeza-beza. Jelaskan amalan pantang larang dalam kalangan masyarakat Melayu, Cina dan India.  
(20 Markah)

**[ 20 MARKAH ]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**